

GAYA HIDUP



HUJUNG MINGGU

SANTAI, BERMESRA DENGAN ARNAB

Oleh ZABRY MOHAMAD MADZLAN
zabrymohamad.madzlan
@utusangroup.com.my

Di Ladang Arnab Bukit Badong, Kuala Selangor, kelihatan sekumpulan kanak-kanak begitu ceria membelai dan memberi makanan kepada beberapa ekor arnab yang dibiarkan bebas berkeliaran. Sekali-sekala, pemilik ladang itu, Mohd. Zikrul Hakim Noor yang lebih mesra dipanggil Hakim

menanyakan soalan berkaitan haiwan comel tersebut kepada mereka.

Ternyata kanak-kanak itu bukan sahaja dapat bermain dengan arnab, malah mendapat ilmu pengetahuan baharu.

Begitulah konsep yang diamalkan di ladang berkenaan yang berasaskan kepada pelancongan pendidikan.

Menurut Hakim, berdasarkan konsep bermain sambil belajar, pengunjung bukan sahaja dapat melihat, malah mengenali sifat serta habitat arnab

ARNAB daripada jenis rex turut ditempatkan di Ladang Arnab Bukit Badong, Kuala Selangor.



secara lebih dekat. Katanya, terdapat 15 baka arnab di situ yang bukan sahaja dipamerkan, malah boleh dibeli pengunjung pada harga amat berpatutan.

"Antara baka arnab terkenal yang sering dijadikan haiwan pameran atau belaan yang terdapat di ladang ini ialah *netherland dwarf*, *rex* dan *holland lop*," katanya kepada S2.

Dengan kira-kira 4,000 ekor arnab, ladang berkeluasan 1.4 hektar itu merupakan antara ladang ternakan arnab terbesar di negara ini dan satu-satunya yang ada sijil penyembelihan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Malahan, tidak keterlaluan jika dikatakan ladang tersebut yang dibina pada 2007 juga ibarat sebuah zoo mini kerana terdapat pelbagai haiwan lain turut dipamerkan, seperti burung, haiwan akuatik dan arnab.

Antara burung yang terdapat di ladang itu adalah serindit, murai batu, merpati serta ayam

Info LADANG ARNAB BUKIT BADONG

■ **Alamat:** Lot 543, Jalan Haji Abdul Manan, Kampung Bukit Badong, Ijok, Kuala Selangor.

■ **Bayaran masuk:** RM3 seorang.
Waktu operasi: Setiap hari 8 pagi-6 petang, 8-11 malam (Jumaat, Sabtu, Ahad).

■ **Telefon:** 019-3592816 (Hakim)



MOHD. ZIKRUL HAKIM NOOR turut memelihara kura-kura durian di Ladang Arnab Bukit Badong, Kuala Selangor. - S2/SAHARUDDIN ABDULLAH



KANAK-KANAK berpeluang bermain dengan arnab di Ladang Arnab Bukit Badong, Kuala Selangor.

belanda, ayam selasih dan itik.

Jenis akuatik pula terdiri daripada ikan *alligator gar* dan *alligator snapping turtle* atau kura-kura durian yang tidak terdapat di negara ini, manakala ada juga haiwan daripada keluarga arnab 'minion' seperti tikus belanda dan *hedgehog* atau landak mini boleh dilihat di situ.

Sudah penat bermain dan melihat haiwan, kita boleh melepaskan lelah sambil menikmati hidangan enak termasuk menu daging arnab di Restoran D' Kelinci yang di ladang itu. Bagi mereka yang masih belum ada idea untuk melakukan sebarang aktiviti pada hujung minggu ini, apa kata bawa keluarga ke Ladang Arnab Bukit Badong yang mengenakan bayaran masuk hanya RM3 seorang.

Lebih menarik, promosi sedang berlangsung yang mana bagi setiap empat orang pengunjung, caj yang dikenakan hanya RM9 atau bermakna seorang masuk secara percuma.



MOHD. ZIKRUL HAKIM NOOR bersama replika patung arnab sebagai simbol Restoran D' Kelinci miliknya yang menyajikan hidangan daripada daging arnab di Ladang Arnab Bukit Badong, Kuala Selangor.